

# Konsert orkestra simfoni akhiri sambutan ulang tahun UTHM

BATU PAHAT 1 Okt. - Sambutan ulang tahun ke-20 Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) yang berlangsung sejak awal tahun lalu berakhir meriah dengan penganjuran Konsert Orkestra Simfoni, di sini baru-baru ini.

Dipimpin oleh pengarah muzik tersohor, Datuk Johari Salleh, ahli orkestra yang menggabungkan mahasiswa daripada National University of Singapore (NUS) dan Kombo UTHM itu turut dibantu pemain muzik Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).

Tuanku Raja Zarith Sofiah Sultan Idris Shah berkenan menyaksikan konsert tersebut yang turut dihadiri kira-kira 3,000 tetamu.

Hadirin turut dihiburkan dengan persembahan artis popular tanah air, Anuar Zain dan Alyah.

Naib Canselor UTHM, Prof. Datuk Dr. Mohd. Noh Dalimin berkata, penganjuran konsert itu merupakan satu manifestasi pihaknya dalam meraikan aspek seni apabila universiti itu lebih terkenal dalam bi-

dang kejuruteraan.

"Konsep simfoni yang menjadi nadi utama majlis ini memberi nilai prestij sejarah dengan kemantangan usia dua dekad UTHM yang telah melahirkan lebih 20,000 jurutera di negara ini. Malah, konsert tersebut mencipta sejarah baharu bagi daerah ini kerana julung kali diadakan.

"Pemilihan NUS dalam menjayakan konsert itu merupakan simbolik bagi kerjasama dan hubungan erat antara dua universiti kejuruteraan dan negara yang terjalin utuh sejak sekian lama," katanya.

Beliau memberitahu, sempena konsert itu, satu program mobiliti antara mahasiswa UTHM dan NUS dianjurkan bagi mendedahkan mereka dengan kehidupan penduduk kampung di sekitar daerah ini.

"Sebanyak 76 mahasiswa NUS yang terlibat dibawa ke dua kampung di sekitar Parit Raja bagi melawat dan merasai kehidupan kampung tradisional Melavu di situ," katanya.



ANUAR ZAIN ANTARA ARTIS UNDANGAN YANG TURUT MMERIAHKAN KONSERT ORKESTRA SIMFONI DI BATU PAHAT, JOHOR HARU-BARU INI.